

Headline Tenaga manusia berkualiti penting
MediaTitle Utusan Sarawak
Date 10 May 2012
Section TEMPATAN
Page No 1
Language Malay
Journalist MULLER ASEN
Frequency Daily

Color Black/white
Circulation 37,981
Readership 113,943
ArticleSize 267 cm²
AdValue RM 607
PR Value RM 1,820



Tenaga manusia berkualiti penting

"Ini kerana maju mundurnya sesebuah negara bergantung kepada kualiti tenaga manusia yang dimilikinya. Maksud saya, kita harus berhijrah ke arah mentaliti kelas pertama yang berasaskan tiga perkara iaitu ketangkasan kerja, ketetapan dan keberhasilan."

MULLER ASEN
Penerbit Utusan Sarawak

MULLER ASEN

KUCHING, Rabu — Sebarang kegiatan penyelewengan dan salah laku dalam perkhidmatan awam perlu ditangani dengan tegas dan pantas ke arah mencapai sasaran jabatan atau organisasi yang bertaraf lima bintang.

Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud berkata kerajaan begitu memandang berat terhadap soal integriti serta penghayatan nilai dan etika yang luhur di kalangan anggotanya.

Menurutnya, dalam membentuk pengurusan yang cemerlang, terapi diri yang paling penting adalah melakukan mentransformasikan minda dan sikap bagi meningkatkan keupayaan pengetahuan serta kreativiti diri untuk menyampaikan perkhidmatan bertaraf dunia.

"Sektor awam kini berhadapan dengan perubahan persekitaran yang dinamik khususnya dicirikan oleh kepesatan teknologi, impak krisis ekonomi dunia serta cabaran globalisasi dan liberalisasi yang merupakan pemboleh ubah sejagat melonjakkan prestasi daya saing negara.

"Ini kerana maju mundurnya sesebuah negara bergantung kepada kualiti tenaga manusia yang dimilikinya.

Maksud saya, kita harus berhijrah ke arah mentaliti kelas pertama yang berasaskan tiga perkara iaitu ketangkasan kerja, ketetapan dan keberhasilan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Hajah Fatimah Abdullah ketika merasmikan Seminar Pengurusan Cemerlang: Terapi Diri dan Aura Organisasi anjuran Jabatan Canselori Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, malam semalam. *(Gambar di Muka 2)*

Hadir sama, Menteri Muda Pembangunan Perindustrian, Datuk Peter Nansian Ngusie, Menteri Muda Kesihatan Awam, Dr Jerip Susil dan Naib Canselor UUM, Prof Dato' Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri memberitahu bagi mencapai kejayaan organisasi, setiap individu perlu memainkan peranan masing-masing selain semangat ingin terus belajar perkara baru.

Katanya, untuk memperkukuhkan lagi kelangsungan agenda sesebuah organisasi, seorang pemimpin perlu mengenal pasti visi transformasi dan sistem yang mampu menyumbang

kepada proses pengukuhan kefahaman, komitmen dan anjakan paradigma yang diimpikan.

"Sebagai contoh, operasi organisasi perlu dalam persekitaran yang sentiasa mendukung kerja berpasukan, pengurusan konflik teratur dan pengurusan masa yang sistematik lagi efisien untuk memberi aura yang positif kepada organisasi.

"Dalam hal ini, satu budaya kerja yang lebih dinamik dan produktif iaitu seiring dengan tuntutan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) akan terbentuk melalui agenda transformasi yang terancang dan dinamik," ujarnya.

Terdahulu, Dr Mohamed memberitahu seminar yang merupakan aktiviti tahunan Jabatan Canselori UUM itu merupakan usaha untuk meningkatkan mutu dan kualiti pengurusan individu mahupun organisasi.

"Saya yakin kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar tiga hari ini kelak mampu mencetus strategi yang terbaik ke arah pengurusan yang berkualiti dan cemerlang," jelasnya.

Seramai 150 peserta daripada pelbagai organisasi yang majoritinya dari Semenanjung Malaysia mengambil bahagian dalam seminar tiga hari itu.